

**KJ: Cukuplah Utusan, nampak macam kita terdesak  
Malaysiakini.com  
July 21, 2010**

Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin berharap usaha mewujudkan kerajaan perpaduan dengan musuh politik mereka PAS dihentikan kerana dia menggambarkan seolah-olah Umno terdesak.

"Saya rasa cukuplah dengan usaha dan artikel (tentang) perpaduan Umno-PAS (ditulis). Cerita muka 1 Utusan (Malaysia) hari ini nampak macam kita desperate (terdesak) sangat," kata Khairy dalam laman Twitter.

Beliau mengulas berita muka depan akhbar Umno itu - berjudul "Pelan Damai Umno, PAS" - yang memetik Ketua Pemuda PAS Nasrudin Hassan sebagai berharap kedua-dua parti mempunyai satu pelan damai atas nama Islam supaya persengketaan ditamatkan.

Nasrudin juga dilaporkan berkata, hasrat itu wajar disegerakan kerana umat Islam terlalu bosan dengan pertelagahan itu terutama gelagat pemimpin tertentu yang memburu kepentingan politik dengan mengeksploitasi sentimen kebencian antara Umno dan PAS.

Malah, memetik tulisan di blog Nasrudin, Utusan juga melaporkan PAS boleh melupakan sejarah perit seperti ditolak daripada Perikatan, peristiwa Memali dan penahanan pemimpin parti itu bawah ISA, demi penyatuan umah.

"Sebagaimana PAS boleh melupakan kenyataan serta tindakan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika beliau dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN)," laporan itu dipetik.

Setelah hasrat melihat perpaduan dua parti yang berasaskan sokongan Melayu itu disuarakan kembali oleh Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria baru-baru ini, pemimpin Umno rata-rata dilihat menunjukkan keterbukaan, manakala pemimpin kanan PAS pula kuat menentangnya.

'No Islam no Talk'

Pandangan Nasrudin itu pula dilihat agak 'lunak' berbanding pemimpin lain parti itu.

Tambahan pula, naib presidennya Datuk Mahfuz Omar sekali lagi menegaskan bahawa parti itu tidak berhasrat bekerjasama dengan Umno yang didakwa menjadi sekutu Yahudi-Zionis.

Dalam kenyataannya semalam, Mahfuz menyeru seluruh umat Islam dan orang Melayu supaya tidak terperangkap dengan "agenda politik murahan Umno" yang memukul gendang perpaduan.

Sementara itu, ekor tulisan perdebatan di alam maya antara pemimpin kedua-dua pihak masih berterusan apabila bekas menteri besar Perak Datuk Seri Mohd Nizar Jamaluddin turut terkesan dengan pesanan Twitter Khairy.

"Kepada YB (Khairy), tepat sekali. Nampak teruk betul di pihak Umno. Kenapa PAS? Kenapa tidak Melayu lain dalam PKR, Sabah/Sarawak, NGO dan lain-lain. Seperti hidung tak..., " tulis Mohd Nizar.

Bagaimanapun, Khairy sempat membalasnya sambil mendakwa terdapat pemimpin PAS yang mahukan idea itu terlaksana.

"Saya beritahu kamu kenapa (dengan) PAS. Sebab ada sebahagian dari pimpinan PAS yg sebenarnya nak melihat perpaduan Umno-PAS (jadi kenyataan). Tapi bukan sekarang," jelas Khairy.

Sementara itu, dalam tulisan terbaru Nasrudin di blognya hari ini, ulama muda PAS itu berkata beliau "berlepas diri ini dengan apa jua percubaan siapa jua untuk memesongkan dan menyalahafsirkan maksud saya dalam Pelan Damai yang saya cadangkan".

"Pelan saya mudah: Aslim Taslam, Islamlah nescaya kamu selamat. Selebihnya: No Islam no Talk (tanpa Islam, tiada rundingan)," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137928>